

28 MAY 1998

LESTER TECHNOLOGY SASAR PASARAN EKSPORT

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Lester Technology Group (LTG) Sdn Bhd yang telah mempersiapkan untuk melibatkan diri dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), juga bersedia untuk mempromosi teknologinya di luar negara.

Syarikat itu bersedia sebagai pembekal penyelesaian masalah keselamatan dalam teknologi maklumat, terutamanya internet, kata pengerusinya Mirzan Mahathir kepada pemberita selepas pelancaran ibupejabat LTG di Sungei Besi, dekat sini, hari ini.

Bagaimanapun, ia masih menunggu untuk mendapatkan lesen daripada Lembaga Persijilan (CA) sebelum memulakan operasinya.

CA adakah pihak ketiga yang dipercayai dan bebas yang menyedia dan mengurus prasarana digital untuk pengenalan diri secara terus dan sistem keselamatan bagi urusanniaga menerusi internet dalam sesebuah negara.

"LTG mempunyai kebolehan dan bersedia untuk menjadi penyelesaian kepada CA bagi keselamatan keseluruhan intranet dan internet dengan barangan Buatan Malaysia," kata Mirzan.

"Sejajar dengan matlamat MSC, kami juga berharap dapat mengeksport teknologi termaju ini ke seluruh dunia," katanya.

Lester Technology adalah firma Malaysia yang bertindak sebagai lembaga persijilan bagi urusanniaga menerusi internet. -- BERNAMA

ZMY JR MA